

22 JAN 1997

Abdullah-Jerman

MALAYSIA DAN JERMAN MAHU KEMBANGKAN HUBUNGAN

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Malaysia dan Jerman hari ini bersetuju mengembangkan hubungan dua hala melalui lebih banyak lagi program pertukaran budaya dan pendidikan di samping meningkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan.

Menteri Luar Datuk Abdullah Badawi berkata, Jerman telah mencadangkan yang kedua-dua negara menandatangani perjanjian kebudayaan untuk meningkatkan hubungan dua hala yang menurut beliau adalah baik.

"Kita kini mesti memikirkan hubungan yang lebih luas lagi dan bukan hanya terhad kepada perdagangan tetapi juga kerjasama pendidikan serta dalam sains dan teknologi," kata beliau semasa persidangan berita selepas pertemuannya dengan Naib Canselor Jerman yang juga Menteri Luar negara itu Dr Klaus Kinkel di Wisma Putra di sini.

Kinkel tiba di sini untuk lawatan dua hari. Beliau diiringi oleh delegasi peringkat tinggi daripada sektor ekonomi yang termasuk Hans-Olf Henkel, Presiden Persekutuan Industri-industri Jerman.

Menteri Luar Jerman itu melakukan kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim di Jabatan Perdana Menteri selepas pertemuannya dengan Abdullah.

Klinkel dan rombongan berada dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke negara ini.

Abdullah berkata Kinkel, yang merupakan Menteri Luar Jerman yang pertama untuk melawat Malaysia sejak 16 tahun lepas memberi jaminan kepada beliau yang Bonn sedia menyertai program-program di Malaysia yang akan membolehkan pemindahan teknologi.

"Mereka menyambut baik hubungan dan kerjasama dalam bidang sains dan teknologi," kata beliau.

Topik lain yang dibincangkan oleh kedua-dua Menteri itu ialah mengenai Kepulauan Spratlys, Myanmar, Asean dan Bosnia-Herzegovina.

Mengenai Bosnia, Abdullah berkata Kinkel menunjukkan reaksi positif akan cadangan Malaysia dan Jerman membentuk perkongsian untuk membantu membina semula negara Balkan itu. Kuala Lumpur juga membuat cadangan yang lebih kurang serupa kepada Jepun.

Mengenai Myanmar, Abdullah menjelaskan kepada Kinkel yang persoalan mengenai Yangon menyertai Asean tidak lagi dipertikaikan.

Abdullah berkata beliau juga memberitahu Kinkel yang mahu mengetahui lebih banyak mengenai Islam, mengenai fungsi-fungsi Institut Kefahaman Islam (IKIM).

Mengenai usaha Bonn untuk mendapatkan kerusi tetap di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), beliau berkata Jerman layak bagi tugas itu.

Abdullah berkata, beliau juga telah memberitahu Kinkel yang Malaysia belum sedia berbincang mengenai pembaharuan PBB atas dasar sedikit demi sedikit tetapi mahukannya dalam bentuk pakej" yang meliputi semua isu dan rantau di dunia.

Dalam perkara lain, Abdullah berkata Malaysia akan menyambut baik kehadiran Amerika di rantau ini jika ia menyumbangkan kepada keamanan dan kemakmuran.

Abdullah berkata, penglibatan Washington di rantau ini adalah mantap melalui penyertaan dalam Forum Serantau Asean (ARF) dan Persidangan Selepas Mesyuarat Peringkat Menteri (PMC).

Di persidangan berita berasingan, Kinkel menyifatkan perbincangannya

dengan Dr Mahathir, Anwar dan Abdullah sebagai memberangsangkan.

"Jerman kagum dengan pencapaian Malaysia dalam bidang politik dan ekonomi. Anda menikmati pertumbuhan mantap lapan peratus untuk beberapa tahun," kata beliau kepada pemberita selepas menemui Anwar yang juga Menteri Kewangan di Kementerian Kewangan.

Malaysia juga menunjukkan komitmen yang besar dalam pertubuhan-pertubuhan seperti Asean, Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), kata beliau.

"Kita mengagumi apa yang Malaysia telah buat untuk membantu menyelesaikan masalah Bosnia-Herzegovina," kata beliau.

Walaupun ia lebih merupakan masalah Eropah, beliau berkata Malaysia menyediakan 1,500 anggota tentera bagi Pasukan Pelaksanaan Antarabangsa (IFOR) di bawah naungan NATO dan meneruskan sokongan kepada Pasukan Penstabil Antarabangsa (SFOR) yang ditubuhkan selepas perjanjian Dayton.

Kinkel berkata kehadiran 39 ahli perniagaan dalam rombongannya menunjukkan minat Jerman dalam ekonomi Malaysia yang terus berkembang.

"Kita mempunyai banyak untuk menawarkan kepada Malaysia melalui pemindahan teknologi, kerjasama ekonomi dan latihan," kata beliau.

-- BERNAMA

AZZ SH PR